



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**PENOLONG PENGELOLA TANAH-TANAH PERKUBURAN ISLAM  
(D.3 EB.4-5)  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A)** PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B)** Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C)** Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D)** Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PENOLONG PENGELOLA TANAH-TANAH PERKUBURAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN= SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.2 / D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.


**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.2 / D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

2. Lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) bagi Darjah VI dalam Pangkat 1 atau 2.
3. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.
4. Hendaklah tahu membaca dan menulis.
5. Mempunyai pengalaman luas dalam bidang pentadbiran dan urusan-urusan perkuburan Islam adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab membantu Ketua Unit dalam hal ehwal kakitangan di Unit Tanah-Tanah Perkuburan Islam di Daerah Brunei dan Muara;
2. Mengarahkan Pengawas Tanah-Tanah Perkuburan Islam dalam kerja-kerja pemeliharaan bangunan dan kebersihan kawasan Makam-Makam Diraja iaitu Kubah Makam Diraja, Makam Sharif Ali, Makam Sultan Bolkihah dan Makam Luba;



3. Memastikan Penjaga Kubah Makam Diraja dan buruh-buruh membuat persiapan-persiapan awal sebelum Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Diraja yang lain ke Kubah Makam Diraja;
4. Membantu Ketua Unit dalam membuat perancangan mengenai strategi pemeliharaan Tanah-Tanah Perkuburan Islam di seluruh Daerah Brunei dan Muara;
5. Memantau dan membuat perundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan mengenai hal ehwal yang berhubung kait dengan kemudahan asas Tanah-Tanah Perkuburan Islam yang baru dan bersistem;
6. Membuat lawatan-lawatan dan pemeriksaan ke Tanah-Tanah Perkuburan Islam di Daerah Brunei dan Muara; dan
7. Bersedia menerima arahan bertugas di luar waktu pejabat samada hari kelepasan am atau cuti awam jika diperlukan sahaja sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Unit / Ketua Bahagian / Pegawai-Pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama.